



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)
BILANGAN 6

**PERGERAKAN PULANG PELAJAR UNIVERSITI AWAM, SWASTA, POLITEKNIK
DAN KOLEJ KOMUNITI**

A. PROSEDUR BALIK / PERGERAKAN PELAJAR IPT

1. **Adakah pelajar yang masih berada di kampus boleh dibenarkan pulang ke rumah masing-masing?**
 - a. Pelajar yang masih berada di kampus **dibenarkan pulang ke rumah masing-masing yang terletak di ZON HIJAU** mulai 27 April 2020. Pergerakan pelajar akan dilakukan secara berperingkat mengikut jadual yang akan diatur oleh IPT masing-masing.
 - b. Bagi pelajar yang rumah masing-masing berada di **ZON KUNING ATAU ZON MERAH**, mereka **TIDAK DIBENARKAN PULANG**.

2. **Adakah pelajar antarabangsa IPT di Malaysia perlu pulang ke negara asal mereka?**

KPT tidak mewajibkan pelajar antarabangsa untuk pulang ke negara asal. Walau bagaimanapun KPT tiada halangan sekiranya pelajar tersebut ingin pulang ke negara asal.

3. **Adakah pelajar yang memiliki kenderaan sendiri dibenarkan untuk pulang sendiri ke kampung halaman masing-masing?**
 - a. Pelajar yang memiliki kenderaan sendiri dibenarkan memandu pulang dengan syarat perjalanan **TIDAK MERENTAS NEGERI** dan mereka hanya memandu **SEORANG** sahaja.

- b. Sebelum memulakan perjalanan, mereka perlu mendapat surat kebenaran pergerakan dari pihak IPT.
 - c. Bagi pelajar yang ingin pulang ke rumah merentasi negeri, mereka **TIDAK DIBENARKAN memandu kenderaan sendiri** tetapi mesti menaiki pengangkutan yang disediakan oleh IPT.
4. **Keluarga saya ingin mengambil saya di kampus untuk pulang ke rumah. Adakah prosedur ini dibenarkan?**

Tidak. Keluarga pelajar tidak dibenarkan mengambil pelajar di kampus.

5. **Adakah pihak Universiti akan sediakan pengangkutan untuk pulang ke kampung masing-masing?**

Pihak universiti akan menyediakan pengangkutan untuk pelajar pulang ke kampung masing-masing.

6. **Apakah perkara utama yang perlu dilakukan oleh pelajar sebelum pergerakan pulang?**

Semua pelajar diminta menghubungi Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) IPT masing-masing dan mengisi maklumat lengkap yang diperlukan dalam borang permohonan untuk pulang termasuk destinasi dituju dan status kesihatan.

7. **Adakah pelajar yang menyewa di luar kampus (*Non Resident*) dibenarkan untuk menumpang bas Universiti yang pulang ke kampung? Jika Ya, bagaimana pergerakan dari rumah sewa ke universiti dipantau?**

- a. **Para pelajar yang menyewa di zon hijau sahaja dibenarkan pulang ke kampung halaman di zon hijau.** Mereka dikehendaki menjalani saringan gejala (suhu badan dan gejala seperti demam, batuk, selesema) sebelum dibenarkan menaiki bas ke kampung seperti mana yang ditetapkan oleh pihak KPT.
- b. Pergerakan pelajar ke pusat pelepasan akan diuruskan sepenuhnya oleh institusi masing-masing.
- c. Para **pelajar yang menyewa di zon merah dan kuning tidak dibenarkan pulang.**

8. **Bagaimana pula dengan pelajar Latihan Industri (LI) yang telah diarahkan untuk bekerja dari rumah sehingga tamat latihan? Untuk elakkan bebanan sewa rumah yang perlu dibayar, bolehkah pelajar pulang ke kampung halaman yang memerlukan untuk merentas negeri?**

Pelajar LI perlu menghubungi dan berurusan dengan IPT masing-masing, tertakluk kepada garis panduan yang telah disediakan oleh KPT.

9. **Bagaimana pula dengan pelajar yang kampung halamannya masih diklasifikasikan sebagai kawasan zon kuning dan merah?**

Pelajar tidak dibenarkan pulang ke kampung halaman yang berada dalam zon kuning dan merah.

Walau bagaimanapun, pelajar boleh pulang ke rumah saudara terdekat yang berada dalam zon hijau. Pelajar perlu terlebih dahulu mendapatkan surat persetujuan daripada saudara yang berkenaan dan merujuk kepada IPT masing-masing.

10. **Saya tidak mahu tinggal di kampus dan tidak mahu pulang ke kampung halaman. Saya memilih untuk tinggal bersama saudara / kawan di rumahnya. Adakah prosedur ini dibenarkan?**

Pelajar yang ingin tinggal bersama saudara/kawan perlu mendapatkan surat kebenaran daripada keluarga saudara/kawan tersebut. Surat tersebut mesti dikemukakan kepada pihak IPT. **Rumah yang dituju mestilah berada di zon hijau.**

11. **Bagaimana dengan pelajar yang tinggal di rumah sewa? Adakah KPT akan menguruskan perjalanan untuk pulang ke kampung halaman?**

Pelajar perlu berhubung dengan Hal Ehwal Pelajar (HEP) IPT masing-masing dan segera memberikan maklumat lengkap pelajar serta borang pengisytiharan kesihatan supaya setiap IPT boleh menguruskan perjalanan pulang ke kampung halaman.

12. **Bagaimana prosedur kerajaan membawa pulang pelajar balik ke kampung halaman masing-masing di Semenanjung?**

- Pergerakan bas pada waktu malam;
- Destinasi ke zon hijau sahaja;
- Pengangkutan diuruskan oleh IPT;

- Bas akan terus ke IPD/ Pejabat Daerah di kampung masing-masing;
- Seorang pegawai perhubungan (*Liaison Officer*) ditugaskan mengiringi pelajar di dalam bas; dan
- 2 kerusi untuk seorang pelajar di dalam bas bagi menjaga penjarakan sosial (*social distancing*) – Bas berkapasiti penuh (40 orang) dimuatkan separuh (20 orang sahaja).

13. Adakah pihak universiti akan melakukan saringan gejala sebelum membenarkan pelajar balik?

Pihak universiti akan melakukan saringan gejala (suhu badan sakit tekak, batuk, selsema dan sesak nafas) sebelum membenarkan pelajar pulang.

14. Bagaimana dengan pelajar yang gagal proses saringan gejala?

Pelajar yang gagal proses saringan gejala **TIDAK DIBENARKAN** pulang dan akan dihantar ke Pusat Kesihatan Pelajar IPT dan akan dirujuk kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tindakan selanjutnya.

15. Adakah pihak IPT akan sediakan pengangkutan bagi pergerakan pelajar antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak?

- a. Pelajar dari **Semenanjung ke Sabah dan Sarawak** akan menggunakan lapangan terbang KLIA, Pulau Pinang dan Johor Bahru (tertakluk kepada bilangan pelajar ke destinasi tersebut).
- b. Pelajar dari **Sarawak ke Semenanjung** akan berlepas menggunakan lapangan terbang Kuching ke KLIA.
- c. Pelajar dari Semenanjung ke Sarawak akan mendarat di empat (4) lapangan terbang iaitu Kuching, Miri, Sibu dan Bintulu.
- d. Pelajar dari **Sabah ke Semenanjung** akan menggunakan lapangan terbang Kota Kinabalu ke KLIA.
- e. Pelajar dari Semenanjung ke Sabah akan mendarat di tiga (3) lapangan terbang iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.
- f. Pelajar yang sampai di destinasi lapangan terbang akan dihantar ke rumah masing-masing dengan pengangkutan yang disediakan oleh agensi Kerajaan.

16. **Adakah pihak IPT akan sediakan pengangkutan dari lapangan terbang yang dikenal pasti di Sabah dan Sarawak untuk pelajar meneruskan perjalanan ke kampung mereka?**

Kerajaan menyediakan pengangkutan dari lapangan terbang yang dikenal pasti ke kampung halaman masing-masing.

17. **Adakah pelajar yang telah tiba di *pick-up point* di negeri asal masing-masing perlu melalui tempoh kuarantin?**

Tidak. Mereka bagaimanapun diingatkan supaya sentiasa mengamalkan penjarakan sosial dengan ahli keluarga masing-masing sepanjang tempoh berada di kampung halaman.

18. **Adakah pelajar yang pulang ke Sabah dan Sarawak perlu di kuarantin?**

Keperluan untuk kuarantin apabila tiba di Sabah/Sarawak adalah tertakluk kepada keputusan pihak berkuasa negeri masing-masing.

19. **Bagaimana dengan urusan penghantaran pelajar ke rumah masing-masing dari *pick-up point* di setiap negeri?**

- a. Penghantaran pelajar akan dibuat oleh anggota agensi Kerajaan yang ditugaskan untuk menghantar mereka ke rumah masing-masing.
- b. Pihak RELA akan membantu menyusun pergerakan kenderaan di lokasi IPD/ Pejabat Daerah.
- c. Bagi pelajar yang rumah mereka berada dalam lingkungan 5 km dari IPD, **ibu atau bapa atau seorang ahli keluarga sahaja** diberi kelonggaran untuk menjemput anak masing-masing.

20. **Apakah langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh pelajar setelah tiba di kampung halaman?**

Pelajar dinasihatkan untuk mengikuti langkah-langkah keselamatan seperti berikut:

- a. Mematuhi semua arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- b. Mengamalkan penjarakan sosial.
- c. Mengikut nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

B. HAL EHWAL KEBAJIKAN PELAJAR

21. Bagaimana KPT memastikan keselamatan dan kesihatan pelajar terjaga?

- a. Saringan gejala akan dijalankan sebelum pergerakan pelajar yang menaiki bas dan kapal terbang.
- b. Pelajar akan dibekalkan dengan *hand sanitizer* dan *facemask* sebelum bergerak.
- c. Ketika dalam bas, pelajar hendaklah mengamalkan penjarakan sosial sepanjang masa.
- d. Kesihatan pemandu bas juga akan disaring dan bas akan dinyahkuman (*disinfect*) terlebih dahulu.
- e. Semasa pergerakan, bas akan berhenti dalam perjalanan hanya untuk tujuan kecemasan sahaja.

22. Adakah makanan akan disediakan kepada pelajar sepanjang proses pergerakan pelajar pulang ke rumah?

- a. Ya, makan malam / juadah berbuka puasa disediakan sebelum pergerakan pelajar.
- b. Pihak IPT juga akan menyediakan juadah sahur.

23. Kerajaan memberi kebenaran untuk pulang ke kampung halaman. Tetapi saya memilih untuk tinggal di kampus. Adakah IPT akan memberikan kemudahan makanan dan pengecualian yuran kediaman seperti biasa?

- a. KPT akan memastikan makan dan minum pelajar yang memilih untuk terus berada di kampus disediakan.
- b. Urusan pembayaran yuran adalah tertakluk kepada IPT masing-masing.

C. HAL EHWAL AKADEMIK / PENGAJIAN PELAJAR

24. Adakah KPT bercadang untuk menamatkan sesi semester semasa?

Tidak. Pengajian masih berjalan secara *online*.

25. Saya mempunyai capaian internet yang lemah di kampung halaman. Bagaimana saya dapat mengikuti pembelajaran dalam talian?

Bagi pelajar yang mempunyai kekangan dari segi kemudahan internet, sila berhubung dengan pihak IPT masing-masing.

26. Adakah pelajar perlu membuat bayaran yuran kolej seperti biasa?

Urusan pembayaran yuran kolej adalah bergantung kepada pihak IPT masing-masing.

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
26 APRIL 2020**

Untuk pertanyaan berkaitan dengan pergerakan pulang pelajar, boleh hubungi Bilik Gerakan KPT dan IPT masing-masing seperti ketetapan berikut:-


KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BILIK GERAKAN

PENGHANTARAN PELAJAR PULANG

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BEROPERASI

24 JAM

SETIAP HARI

Sila hubungi talian **HOTLINE** berikut
untuk sebarang pertanyaan

03-8870 6777
03-8870 6949
03-8870 6628
03-8870 6623
03-8870 6124

NOMBOR HOTLINE BILIK GERAKAN

NAMA UNIVERSITI	NO. HOTLINE BILIK GERAKAN
Universiti Malaya (UM)	03-79673238
Universiti Sains Malaysia (USM)	04-6532267/6124
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	0389215407/3554
Universiti Putra Malaysia (UPM)	013-3501037
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	UTM JB - 010 - 800 1337/011 - 333 40646 UTM KL - 013 - 3504321
Universiti Teknologi Mara (UiTM)	03-55443528 08-2677245 (Shah Alam)
International Islamic University Malaysia (IIUM)	03-64215555 (hotline) / 012-7006160 (urusan visa)
Universiti Malaysia Sabah (UMS)	088-320544/0198842400
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	019-8184000/019-3500890
Universiti Utara Malaysia (UUM)	04-9283333 / 019-4742838 (Pengarah Unit Risiko)
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	0195719977 (Kebajikan) / 012-2122970 (Pn Hamidah) 05-4506671 (Kesihatan) / 05-4506969
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	011-10967146
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)	06-2702890
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	011-62270316
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	013-9228942
Universiti Malaysia Pahang (UMP)	09-5493333 (Gambang) 09-4246999 (Pekan)
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	06-7986121
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	09-6687750 / 0139333845
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	09-7717033 (Hotline) 0196592119 (Pengarah Pusat Kesihatan Universiti) 0199931915 (Timb Pendaftar BHEPA) 09-7797376
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	019-3523400

Untuk IPTS, Pegawai untuk dihubungi adalah seperti ketetapan berikut:-

NAMA PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI	MAKLUMAT
YBrs. Dr. Zubaidah Binti Aman Bahagian Governan Swasta, JPT	012-216 7007 drzubaidah@moe.gov.my
Puan Yogitha a/p V. Muniandy Bahagian Governan Swasta, JPT	012-367 0692 yogitha.muniandy@moe.gov.my
Cik Ragini a/p Ganesan Bahagian Governan Swasta, JPT	012-412 1204 ragini.ganesan@moe.gov.my